

PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KHATAM AL-QURAN MODEL TSMIK

1. PENDAHULUAN

Model tasmik telah dicadang dan mendapat respon yang baik daripada pelbagai peringkat pengurusan Kementerian Pelajaran dan daripada pelbagai pihak lain. Panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai Model Tasmik Khatam Al-Quran dan cara pelaksanaannya. Penjelasan dalam panduan ini menyentuh tentang takrif, objektif, kumpulan sasaran, strategi pelaksanaan, agihan, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.

2. TAKRIF

Model Tasmik Khatam al-Quran ialah satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diatur bagi membolehkan murid khatam al-Quran semasa berada di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di luar jadual waktu.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Murid dapat membaca al Quran dengan bertajwid.
- 3.2 Murid dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk.

4. KUMPULAN SASAR

Semua murid beragama Islam yang terlibat dalam program j-QAF.

5. STRATEGI PELAKSANAAN

- 5.1 Semua murid hendaklah menggunakan al-Quran Rasm Uthmani yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran.
- 5.2 Setiap murid perlu mempunyai guru tasmik yang dilantik oleh pihak sekolah.
- 5.3 Guru tasmik terdiri daripada guru j-QAF. Pihak sekolah boleh melantik guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan al-Quran untuk terlibat dalam program ini. Murid yang telah khatam al-Quran boleh menjadi pembantu kepada guru pembimbing.
- 5.4 Guru tasmik hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik.

- 5.5 Murid yang masih tidak dapat membaca al-Quran perlu dibimbing secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya oleh guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam
- 5.6 Setiap murid mesti memiliki Buku Rekod Bacaan al-Quran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 5.7 Guru j-QAF hendaklah menilai dan mengesahkan pencapaian murid sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam Buku Rekod Bacaan.
- 5.8 Guru j-QAF hendaklah memastikan murid-murid mendapat bimbingan dari guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan.
- 5.9 Murid dikehendaki membaca Al-Quran berdasarkan agihan muka surat yang dicadangkan dalam agihan rancangan tahunan bacaan individu di Lampiran A.
- 5.10 Murid-murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan.
- 5.11 Bagi melaksanakan agihan yang dicadangkan, murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kualiti bacaan. Ini penting terutama bagi murid yang belum menguasai bacaan.
- 5.12 Murid boleh membaca dan mentasmik bacaan al-Quran pada masa-masa yang sesuai (luar jadual waktu) seperti:
 - a. Waktu pagi bagi sekolah sesi petang
 - b. Waktu petang bagi sekolah sesi pagi
 - d. Waktu Ko-Kurikulum
- 5.13 Pihak sekolah hendaklah membuat penilaian dan menyediakan laporan kepada JPN.

6. AGIHAN TUGAS

- 6.1 Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Penolong Pengarah Kurikulum, Penyelia Pendidikan Islam Negeri, Penolong Pengarah j-QAF dan Penyelia Pelajaran Daerah bertanggungjawab memastikan program j-QAF berjalan seperti yang dijadualkan.
- 6.2 Guru Besar bertanggungjawab
 - a. menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana peringkat sekolah;
 - b. mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan program j-QAF;
 - c. mengeluarkan surat pelantikan kepada guru pembimbing;
 - d. memberi taklimat kepada guru tasmik murid yang terlibat;
 - e. memastikan program j-QAF ini dapat dilaksanakan dengan sempurna;
 - f. memantau pelaksanaan Model Tasmik; dan

- g. mengesahkan laporan yang dibuat oleh guru dan dihantar ke JPN. Laporan pencapaian murid dibuat menggunakan borang Analisa Pencapaian Murid yang disediakan oleh JAPIM.

6.3 Ketua Panitia Pendidikan Islam bertanggungjawab

- a. bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah;
- b. mengadakan mesyuarat dan perbincangan bagi mencari Guru tasmik;
- c. bekerjasama dengan Guru Pendidikan Islam menyediakan keperluan pelaksanaan program j-QAF; dan
- d. menyemak laporan yang dibuat oleh guru mata pelajaran.

6.4 Guru j-QAF bertanggungjawab

- a. mengumpul data guru tasmik al-Quran;
- b. menentukan guru tasmik untuk semua murid yang terlibat dengan projek ini;
- c. menjadi penilai serta membuat pengesahan dalam rekod bacaan murid seminggu sekali;
- d. menentukan pencapaian murid dan dicatatkan dalam Buku Rekod Bacaan.;
- e. memaklumkan sebarang masalah murid dan guru tasmik kepada jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah;
- f. membuat laporan dengan mengisi borang pencapaian al-Quran seperti lampiran; dan
- g. Memantau pelaksanaan tasmik dijalankan.

6.5 Guru Tasmik bertanggungjawab

- a. membimbing murid sehingga khatam al-Quran;
- b. mencatat setiap kali bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan;
- c. mengenalpasti kelemahan dan membuat pemulihan; dan
- d. mengambil langkah-langkah menyelesaikan masalah yang timbul.

7. PENILAIAN

Seperti yang dinyatakan dalam model 6 bulan Khatam al-Quran, penilaian menyeluruh pencapaian murid hendaklah dibuat dengan menggunakan borang menggunakan borang yang disediakan. Laporan yang dinyatakan dalam borang-borang berkenaan mengandungi pencapaian murid yang merangkumi kedua-dua model. Ini kerana pencapaian murid untuk kedua-dua model ini direkodkan dalam Buku Rekod Bacaan al-Quran dan borang tersebut menggunakan maklumat dari buku ini.

من رانجن ميڱڪوان تاهون 6

اونهيت	جزء	سورة	اياه	اونهيت	جزء	سورة	اياه
1	27	الطور	45-1	11	29	المزمل	20-1
		النجم	40-1			المدثر	52-1
		النجم	42-41			القيامة	40-1
2	27	القمر	55-1		12	الإنسان	5-1
		الرحمن	40-1			الإنسان	31-6
		الرحمن	78-41			المرسلات	50-1
3	27	الواقعه	97-1		12	النبا	40-1
		الحديد	3-1		13	النازعات	15-1
		الحديد	29-4		13	النازعات	42-16
4	28	المجادلة	6-1		13	عبس	42-1
		المجادلة	33-7		13	التكوير	29-1
		الحشر	24-1		13	الإنفطار	19-1
5	28	الممتحنة	13-1		13	المطففين	36-1
		الصف	14-1		13	الإنشقاق	25-1
		الجمعة	8-1		13	البروج	22-1
6	28	الجمعة	11-9		13	الطارق	17-1
		المنافقون	11-1		13	الأعلى	19-1
		النبأ	18-1	13	30	الغاشية	26-1
7	28	الطلاق	5-1		30	الفجر	30-1
		الطلاق	12-6		30	البلد	20-1
		التحریم	12-1		30	الشمس	15-1
8	29	الملک	26-1		14	اللیل	14-1
		الملک	30-27		14	الضحی	15-1
		القلم	52-1		14	الشرح	8-1
9	29	الحاقة	52-1		14	التین	8-1
		المعارج	10-1		14	العلق	19-1
		المعارج	33-11		14	القدر	5-1
10	29	نوح	28-1		14	البینة	8-1
		الجین	28-1		14	الزلزلة	8-1

اية	سورة	جزء	اونيت
3-1	الكوثر	30	16
6-1	الكافرون		
3-1	النصر		
5-1	المسد		
4-1	الإِخْلَاص		
5-1	الفلق		
6-1	التّاس		

ايتة	سورة	جزء	اونيت
11-1	العاديات	30	15
11-1	القارعة		
8-1	التكاثر		
3-1	العصر		16
9-1	الهمزة		
5-1	الفيل		
4-1	القريش		
7-1	الماعون		